

22/03/2000

Tidak ada arahan tahan jemaah Malaysia

Jami'ah Shukri

TUDUHAN dan kritikan golongan tertentu terhadap kerajaan tidak pernah bernokhtah. Ada saja isu yang diutarakan untuk mendapat perhatian serta membangkitkan kebencian masyarakat terhadap pucuk pimpinan negara.

Agak menyedihkan dan dianggap keterlaluan apabila ada golongan tertentu, khususnya di Kelantan cuba mengungkit isu penahanan 416 rakyat Malaysia dalam operasi besar-besaran kerajaan Arab Saudi berikutan penyalahgunaan visa umrah untuk menunaikan haji serta menabur fitnah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kononnya mengarahkan kerajaan Arab Saudi menangkap rakyat Malaysia terbabit.

Ada pemimpin Pas dalam ceramah mereka juga menuduh kerajaan menyekat umat Islam negara ini menunaikan ibadah haji kerana tindakan kerajaan Arab Saudi itu.

Ada yang mendakwa penahanan itu hanya dilakukan ke atas rakyat Malaysia, sedangkan pihak berkuasa Arab Saudi mengambil tindakan terhadap semua jemaah yang tidak mempunyai visa haji. Kebanyakan daripada mereka rakyat Mesir, Afrika, Indonesia dan Thailand yang turut ditahan dalam operasi itu.

Tuduhan sedemikian itu memperlihatkan bagaimana tidak rasionalnya golongan itu yang telah cuba mempolitikkan isu berkenaan. Mereka juga jelas enggan mengakui kewibawaan kerajaan, khususnya Lembaga Tabung Haji mengendalikan urusan pemergian jemaah haji rakyat negara ini pada setiap tahun.

Seperti yang dijelaskan Perdana Menteri, tindakan kerajaan Arab Saudi menahan jemaah haji itu adalah berikutan peningkatan bilangan jemaah yang menyalahgunakan visa umrah untuk menunaikan haji. Tindakan itu juga bukan hanya ditujukan kepada rakyat Malaysia bahkan terhadap semua jemaah yang menyalahgunakan visa umrah mereka. Malah jumlah terbesar yang ditahan adalah rakyat Mesir.

Tindakan kerajaan Arab Saudi itu adalah haknya mengikut bidang kuasa mereka yang mungkin tidak mahu melihat ribuan jemaah yang tidak mengikut peraturan yang sah untuk ke tanah suci.

Kerajaan Arab Saudi sudah mengadakan persiapan rapi bagi menerima kedatangan berjuta umat Islam dari seluruh pelosok dunia untuk menjadi tetamu Allah mengerjakan rukun Islam kelima, termasuk menetapkan kuota jumlah jemaah dari setiap negara bagi mengelakkan kesesakan supaya ibadat itu dapat dikerjakan dengan sempurna.

Sistem kuota itu juga diputuskan oleh Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada tahun 1985, iaitu dikira berdasarkan nisbah 1,000 jemaah bagi setiap sejuta penduduk.

Dengan itu Malaysia, yang mempunyai 22 juta penduduk mendapat kuota seramai 22,000 orang. Sistem kuota itu dibuat bagi mengemas kini urusan dan mengelak kesesakan. Apa yang pasti, penetapan kuota itu adalah berdasarkan kemampuan kota Makkah menampung begitu ramai umat Islam yang hendak mengerjakan haji.

Masjidil Haram sendiri sentiasa sesak biarpun sudah diperbesarkan bagi menampung jumlah jemaah yang semakin ramai. Pada satu musim haji, ada kira-kira dua juta jemaah berkumpul di sana, sedangkan penduduk Makkah hanya sekitar 500,000 orang saja.

Lantaran itu, golongan yang menyebarkan fitnah bahawa Perdana Menteri mengarahkan kerajaan Arab Saudi menahan rakyat Malaysia ternyata tidak berasas dan jelas mempunyai motif tidak baik.

Jika difikir secara rasional, logikkah seorang Perdana Menteri mengarahkan kerajaan Arab Saudi menahan rakyat Malaysia hanya kerana kesalahan menyalahgunakan visa umrah?

Begitu kecewanya Dr Mahathir terhadap fitnah terakhir terhadapnya itu hingga berkata: "Saya serah kepada Tuhan kerana Dia mengetahui apa yang sebenarnya kita lakukan."

Perdana Menteri juga jelas amat prihatin terhadap kebajikan rakyat Malaysia yang ditahan yang terpaksa menghadapi pelbagai masalah hinggakan kekurangan makanan sewaktu dalam tahanan pihak berkuasa Arab Saudi.

Beliau berkata dari maklumat yang diterima dari konsul Malaysia di Jeddah, Datuk Syed Hussin Abdul Kadir keadaan rakyat Malaysia yang ditahan amat menyedihkan. "Mengetahui keadaan itu, kerajaan membuat keputusan membawa balik tahanan di dalam penjara dan sanggup membelanjakan wang untuk membawa mereka balik ke sini."

(END)